

(e)

Kepimpinan Tun Dr.Lim Chong Eu di Pulau Pinang Sehingga 1974

Oleh:
Tew Peng Kooi
No.Matrik: AGE 99001

Disertasi sebagai syarat memperolehi Sarjana Sastera (Secara Berkursus dan Disertasi) dengan Kepujian

**Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera Dan Sains Sosial
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Sesi 2000/2001**



Abstrak

Disertasi bertajuk “Kepimpinan Tun Dr.Lim Chong Eu di Pulau Pinang Sehingga 1974” bertujuan memberikan satu gambaran kepada perjalanan kerjaya politik Tun Dr.Lim Chong Eu (LCE) di negeri kelahirannya iaitu Pulau Pinang. Pada umumnya, karier politik beliau amat menarik kerana LCE telah melibatkan diri dalam beberapa parti politik seperti Parti Radikal, MCA, United Democratic Party dan Parti Gerakan Rakyat . Malaysia. Peranan LCE dalam parti-parti politik ini memaparkan beberapa ciri kepimpinan yang jelas iaitu beliau memberi keutamaan kepada menyatukan semua kaum dalam sebuah parti politik dan mengamalkan kaedah politik yang sederhana dalam mencapai cita-cita politiknya serta sentiasa menekankan kebajikan masyarakat dalam perjuangan politik beliau. Kesemua ini menjadi pegangan LCE semasa bergiat dalam parti-parti politik itu.

Kemuncak kerjaya politik LCE ialah apabila beliau dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang selepas GERAKAN pimpinannya memperolehi kemenangan 16 kerusi Dewan Perundangan Negeri daripada 24 kerusi yang dipertandingkan di negeri tersebut.

Semasa LCE memimpin Pulau Pinang, beliau mengambil beberapa langkah untuk memajukan negeri tersebut. Dari segi politik, beliau mengadakan kerajaan campuran bagi mengeratkan lagi hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, menyusun semula sistem pentadbiran Kerajaan Negeri dan giat mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar.

Manakala, dalam bidang sosial, LCE memberikan penekanan kepada meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan masyarakat Pulau Pinang. Antaranya, menjaga

kesihatan dan kebersihan negeri itu, mendirikan Kompleks Tun Abdul Razak bagi meningkatkan keselesaan hidup penduduk negeri dan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dengan penubuhan Pusat Latihan Bandaraya serta mengadakan perpaduan masyarakat antara penduduk Pulau Pinang dan tanah besar dengan menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia dan pembinaan Jambatan Pulau Pinang.

Keseluruhannya, disertasi ini bermotifkan mengkaji dan menganalisa tindakan-tindakan politik LCE sebagai seorang pemimpin dan pentadbir politik.

PRAKATA

Sepanjang saya menyiapkan disertasi ini, saya bersyukur kerana mempunyai kesihatan yang baik. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Dr.Ramlah Adam kerana sanggup meluangkan masa beliau yang amat berharga untuk menyelia saya sepanjang saya menyiapkan disertasi ini. Terima kasih juga kepada Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia cawangan Pulau Pinang, Jabatan Penerangan Pulau Pinang, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Perpustakaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana bahan-bahan rujukan.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga saya, terutamanya ibu dan bapa saya kerana sentiasa memberi dorongan kepada saya. Begitu juga kakak saya dan abang ipar saya yang sanggup meminjamkan komputernya kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini. Saya juga berterima kasih kepada teman istimewa saya kerana sokongan yang diberi. Tidak dilupakan juga jasa baik Encik Sivachandralingam yang menasihatkan saya menyertai program sarjana sastera ini.

Tew Peng Kooi
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

Kandungan

<i>Abstrak</i>	II
<i>Prakata</i>	IV
<i>Kandungan</i>	V
<i>Senarai Gambar</i>	VI
<i>Senarai Jadual</i>	VII
<i>Singkatan</i>	VIII
<i>Pengenalan</i>	IX

BAB

1	Zaman Remaja	1
2	Kegiatan Politik Sebelum Tahun 1968	40
3	Pemimpin Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN)	85
4	Pemimpin Politik dan Pentadbiran Pulau Pinang	109
5	Penjana Pembangunan Ekonomi Berstruktur	151
6	Penggerak Pembangunan Ekonomi Industri	182
7	Penganjur Kebajikan Rakyat	205
8	Penggalak Perpaduan Masyarakat	237
	<i>Penutup</i>	258
	<i>Lampiran</i>	
	1. <i>Keputusan Pilihanraya Umum Tahun 1964 bagi Negeri Pulau Pinang</i>	268
	2. <i>Keputusan Pilihanraya Umum Tahun 1969 bagi Negeri Pulau Pinang</i>	272
	3. <i>Keputusan Pilihanraya Umum Tahun 1974 bagi Negeri Pulau Pinang</i>	275
	4. <i>Enakmen Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang</i>	280
	5. <i>Senarai nama hotel-hotel di Pulau Pinang dalam Tahun 1972</i>	291
	<i>Bibliografi</i>	295

Gambar dan Peta

1. Peta Tanah Melayu
2. Peta Negara China
3. Bapa LCE, Lim Chwee Leong
4. Ibu LCE, Cheah Swee Hoon
5. Klinik Su Beng
6. Rumah LCE semasa kecil di Macalister Road
7. LCE bersama-sama dengan Chen Cheng
8. Chen Cheng
9. Keadaan perang di Chungqing pada tahun 1944
10. Mogok pelajar dan penduduk di Shanghai
11. Sebagai Presiden MCA, LCE sering mendapat perhatian para pemberita
12. Kegagalannya mendapat peruntukan lebih banyak kerusi Parlimen dalam Pilihanraya 1959 mengecewakan LCE
13. LCE menampilkan gaya rambut baru semasa menuju UDP
14. LCE mempengerusikan satu Perhimpunan Perwakilan UDP pada tahun 1964
15. Ahli-ahli GERAKAN yang ingin menjatuhkan LCE pada tahun 1972
16. Kemenangan GERAKAN dalam pilihanraya 1974 disambut gembira oleh penyokong-penyokongnya
17. KOMTAR
18. Jambatan Pulau Pinang

<u>Jadual dan Carta</u>	<u>hlm</u>
1. Sistem pengangkutan yang digunakan oleh pelawat asing untuk masuk ke Pulau Pinang	179
2. Bilangan pelawat ke Pulau Pinang 1969-1974	180
3. Purata tahunan kadar penggunaan hotel	180
4. Kedatangan pelawat asing ke Pulau Pinang	181
5. Pembangunan tanah untuk perusahaan antara tahun 1972 hingga 1974	198
6. Kedudukan kawasan perusahaan antara tahun 1969 hingga tahun 1974	201
7. Bilangan rumah dan tanah kosong yang diperiksa antara tahun 1970 hingga tahun 1974	207
8. Jumlah pungutan sampah (Jumlah Tahunan) antara tahun 1963 hingga 1974.	212
9. Jenis-jenis kesalahan yang berkaitan kegiatan pencegahan kekotoran	218
10. Bilangan pelajar baru antara tahun 1970 hingga 1974 di Pusat Latihan Bandaraya	231
11. Bilangan pelatih yang keluar dari Pusat Latihan Bandaraya antara tahun 1970 hingga 1974	232
12. Jenis-jenis pekerjaan yang diperolehi oleh pelatih-pelatih yang tamat pengajian di Pusat Latihan Bandaraya	233
13. Keputusan-keputusan peperiksaan yang telah diambil oleh kakitangan Majlis Bandaraya George Town dari tahun 1969 hingga 1974	244

Singkatan

AMCSMA	-	<i>ALL-Malaya Chinese School Management Association</i>
CAPU	-	<i>Central Area Planning Unit</i>
DAP	-	<i>Democratic Action Party</i>
FCGA	-	<i>Federation of Chinese Guilds and Association</i>
GERAKAN	-	<i>Parti Gerakan Rakyat Malaysia</i>
HLM	-	<i>Halaman</i>
JKKP	-	<i>Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perhubungan</i>
KOMTAR	-	<i>Kompleks Tun Abdul Razak</i>
LCE	-	<i>Tun Dr.Lim Chong Eu</i>
MCA	-	<i>Malayan Chinese Association</i>
MCACECC	-	<i>Malayan Chinese Association Chinese Education Central Committee</i>
MIC	-	<i>Malayan Indian Congress</i>
MSF	-	<i>Malaysian Solidarity Convention</i>
PAP	-	<i>People's Action Party</i>
PAS	-	<i>Partai Islam Se Malaysia</i>
PATA	-	<i>Pacific Area Travel Association</i>
PDC	-	<i>Penang Development Corporation</i>
PEKEMAS	-	<i>Partai Keadilan Masharakan</i>
PPP	-	<i>People Progressive Party</i>
PR	-	<i>Parti Radikal</i>
PSRM	-	<i>Partai Sosialis Rakyat Malaysia</i>
SUPP	-	<i>Sarawak United People's Party</i>
SP	-	<i>Surat Persendirian</i>
UCTA	-	<i>United Chinese Teachers Association</i>
UDP	-	<i>United Democratic Party</i>
UMNO	-	<i>United Malays National Organization</i>
VOL	-	<i>Volume</i>

Pengenalan

Skop Kajian

Kajian disertasi ini bertujuan untuk memaparkan dan menganalisis tindakan politik dan kepimpinan Tun Dr.Lim Chong Eu (LCE) di Pulau Pinang sehingga tahun 1974. Segala ideologi atau pemikirannya cuba dikupas dan dibincangkan dengan teliti, segala kegiatan politik juga cuba diketengahkan dan kata-kata pentingnya cuba direkodkan untuk dijadikan panduan generasi hari ini dan akan datang.

Kajian ini juga ingin meneliti jatuh bangun beliau sebagai seorang tokoh politik yang digeruni di Malaysia khususnya di Pulau Pinang. Dalam mengkaji peranan LCE, penulis akan cuba meninjau hubungannya dalam politik Malaysia khususnya di Pulau Pinang. Kajian mengenai peranannya itu akan dibuat secara menyeluruh dan bersatu dalam usaha menonjolkan satu gambaran yang sempurna, jelas dan saling berkaitan. Melalui kaedah ini, LCE menjadi seorang tokoh politik yang tidak dapat dilupai dalam masyarakat di Pulau Pinang. Walaupun nama LCE tidak kurang hebat berbanding Tan Cheng Lock, Tan Siew Sin dan Dr.Tan Chee Khoon, namun, perhatian yang serius mengenainya jarang dibincangkan secara teliti dan terperinci dalam kajian yang ada terhadap beliau. Kajian secara berurutan mengenai setiap tahap kehidupan LCE juga menyaksikan kewibawaan LCE sebagai seorang pemimpin politik yang sentiasa bekerja keras bagi menjaga kepentingan negara terutamanya dalam soal pembinaan bangsa dan negara (nation-building).

Keseluruhan disertasi ini dibahagikan kepada 8 bab. Dalam bab pertama, tumpuan diberikan kepada zaman remaja LCE iaitu sejak beliau dilahirkan pada tahun 1919. Dalam bab ini, perbincangan ditumpukan kepada latarbelakang LCE secara umum iaitu

keluarga, sistem pendidikan, kehidupan peribadinya yang memberi kesan secara langsung kepada tindakan politiknya nanti. Kajian ini juga termasuk meneliti kesan pendidikan yang diterima oleh beliau di England antara tahun 1939 hingga 1944. Kemudiannya, LCE berkhidmat dalam pasukan perubatan tentera di China pada pertengahan tahun 1940 an. Beliau akhirnya kembali ke Pulau Pinang pada tahun 1947 selepas berada di luar negeri selama lapan tahun. (1939-1947)

Dalam bab kedua, perbincangan ditumpukan kepada penglibatan awal LCE dalam kancah politik tempatan dan kegiatan politiknya antara 1951 hingga 1968. Perbincangan dalam bahagian ini akan merangkumi usaha LCE menuju Parti Radikal (PR). Beliau kemudiannya menyertai Malayan Chinese Association (MCA) selepas PR menjadi lemah. Beliau seterusnya dipilih sebagai Presiden kedua MCA pada tahun 1958. Selepas LCE keluar dari MCA pada tahun 1959 akibat perselisihan faham dengan pemimpin UMNO, Tengku Abdul Rahman. Beliau menyepi dari berpolitik selama beberapa tahun sebelum kembali ke kancah politik tempatan dengan menuju United Democratic Party (UDP) pada tahun 1962. Penyelidikan penulis akan termasuk mengkaji konflik dalaman parti ini dan prestasi UDP dalam Pilihanraya Umum 1964. Tinjauan juga dibuat oleh penulis mengenai kegagalan UDP dalam pilihanraya ini.

Bab ketiga membincangkan peranan LCE dalam menuju Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) dan mencuba nasibnya berpolitik di Pulau Pinang. Beliau menjadikan negeri itu sebagai pusat gerakan politik bagi memulihkan semula pengaruh politiknya. Oleh itu, GERAKAN pimpinan LCE telah bertanding dalam Pilihanraya Umum 1969 dengan penuh harapan dan debaran. Percaturan LCE ini

membuahkan hasil apabila GERAKAN telah mencapai kemenangan besar di Pulau Pinang dan seterusnya membolehkan LCE dilantik sebagai Ketua Menteri negeri itu.

Bab keempat memberi tumpuan kepada tindakan-tindakan yang diambil oleh LCE selaku Ketua Menteri bagi menyusun sistem pentadbiran kerajaan di Pulau Pinang. Beliau juga mengambil satu langkah yang drastik dengan membentuk sebuah kerajaan campuran melalui kerjasama dengan Kerajaan Pusat. Faktor-faktor dan kesan-kesan pembentukan kerajaan campuran ini akan dibincangkan dalam bab ini. Dalam bab ini juga dibincangkan langkah LCE mengadakan hubungan diplomatik yang erat dengan negara-negara luar. Atas usaha gigih LCE, Pulau Pinang telah menjadi terkenal di pentas antarabangsa. Beliau kemudiannya sekali lagi memimpin GERAKAN bertanding dalam Pilihanraya Umum 1974 bagi mempertahankan pemerintahannya di negeri itu. Pencapaian GERAKAN dalam pilihanraya itu akan dibincangkan dalam bab ini.

Penyelidikan dalam bab lima dan keenam akan menumpukan kepada usaha LCE memulihkan ekonomi Pulau Pinang yang dilanda masalah kadar pengangguran yang tinggi. Untuk tujuan itu, beliau mengambil keputusan menujuhan Penang Development Corporation (PDC) bagi merangka strategi baru mengatasi masalah ini. Beliau juga mengambil berbagai-bagai langkah bagi mempromosikan Pulau Pinang sebagai pusat pelancongan yang terkenal di dalam dan luar negara. Ini merupakan satu cara beliau memajukan sektor pelancongan di negeri itu. Di samping itu, LCE juga menjanakan ekonomi yang berorientasikan eksport bagi menggantikan pergantungan kepada ekonomi pertanian. Zon-Zon Perdagangan Bebas didirikan oleh LCE sebagai langkah menggalakkan pertumbuhan pesat sektor perindustrian. Beliau telah sering berkunjung ke luar negara bagi menggalakkan syarikat-syarikat luar mendirikan kilang dan membuat

pelaburan di Pulau Pinang. Usaha-usaha yang diambil oleh LCE ke arah merealisasikan matlamat ekonomi itu akan dibincangkan dalam bab ini.

Bab ketujuh dan kelapan adalah dua bab terakhir dalam kajian ini. Dua bab ini mengandungi rumusan dan padangan menyeluruh ke atas peranan yang telah dimainkan oleh LCE dalam bidang sosial. Dalam soal ini, LCE berperanan sebagai penganjur kebijakan masyarakat dan penggalak perpaduan negeri. Bagi peranan yang pertama, LCE telah memberi keutamaan kepada taraf kesihatan penduduk Pulau Pinang. Beliau memberi perhatian berat kepada soal pembasmian pembiakan nyamuk Aedes. Beliau juga mengadakan kempen kebersihan secara besar-besaran bagi memastikan penduduk negeri dapat hidup dalam suasana yang sihat dan sejahtera. Bagi memastikan rakyat menikmati keselesaan hidup, LCE telah memperbaharui dan membesarluarkan Pusat Bandaraya George Town yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam. Beliau juga merancangkan penubuhan Pusat Latihan Bandaraya bagi meningkatkan pengetahuan masyarakat yang bersifat teknikal. Ini bertujuan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk negeri. Mengenai peranan yang kedua pula, LCE telah menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia iaitu bahasa kebangsaan secara meluas di kalangan masyarakat. Beliau juga berusaha gigih merancang dan melaksanakan projek pembinaan Jambatan Pulau Pinang. Beliau percaya pelaksanaan projek ini dapat merapatkan perhubungan antara penduduk di Pulau Pinang dan tanah besar.

Secara kesimpulannya, disertasi ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis peranan LCE dalam perkembangan politik dan pentadbiran Pulau Pinang dari seawal-awal penglibatan sehingga ke tahun 1974.

Objektif Kajian

Nama LCE adalah nama yang tidak asing dalam sejarah politik Tanah Melayu dan Malaysia. Beliau merupakan seorang pemimpin politik dan pentadbir yang terkenal dalam perkembangan politik di Malaysia sebelum dan selepas merdeka. Beliau menjadi begitu menonjol kerana mempunyai minat berpolitik yang sangat mendalam. Ini berdasarkan beliau suka menubuh parti politik. Beliau memulakan karier politik dengan penubuhan PR sebelum menyertai MCA. Selepas keluar dari MCA, beliau kemudiannya menubuh UDP dan GERAKAN bagi meneruskan minatnya dan kegiatannya dalam berpolitik. Penerusan ini telah melengkapkan satu bulatan peranannya dalam sejarah politik Malaysia. Bagi masyarakat Pulau Pinang, LCE ialah tokoh yang sangat penting. Beliau merupakan Ketua Menteri negeri itu yang secara langsung terlibat dan mempengaruhi haluan dan corak perkembangan politik, ekonomi dan sosial di Pulau Pinang. Ini adalah tujuan penulis membuat kajian mengenai LCE.

Kajian ini dibuat semata-mata untuk mengatasi kelemahan kajian yang ada terhadap LCE. Kajian LCE yang sedia ada sama ada bersifat akademik atau umum meninjau peranan politik LCE secara sepintas lalu dan longgar. Sehingga kini, tidak ada kajian khusus tentang sejarah perkembangan PR. Berdasarkan kajian-kajian yang sedia ada, kesemuanya membincangkan tentang kemenangan besar parti ini dalam Pilihanraya Bandaran George Town 1951. Arah haluan parti berkenaan selepas itu langsung tidak dititikberatkan apatah lagi peranan LCE dalam PR.

Peranan politik LCE yang dibincangkan lazimnya lebih berkisarkan kepada konflik beliau dalam MCA pada tahun 1959. Sebaliknya peranan beliau selepas itu tidak dibincangkan dengan jelas khususnya dalam UDP dan GERAKAN. Masalah yang sama

juga timbul apabila kedudukan LCE sebagai Ketua Menteri jarang dibincangkan dengan sepatutnya. Beliau dilihat seolah-olah tidak lagi aktif berpolitik selepas meletak jawatan sebagai Presiden MCA dan peranannya setakat menjadi salah seorang pengasas GERAKAN. Perbincangan juga jarang ditumpukan kepada peranan pentadbiran LCE seperti Ketua Menteri dan Pengerusi PDC. Kedua-dua jawatan ini berkait rapat dengan kepimpinan politiknya di Pulau Pinang. Pengabaian mengenai hal-hal ini tidak dapat memberikan satu gambaran menyeluruh mengenai peranan politik LCE di Malaysia khususnya di Pulau Pinang. Keadaan ini sangat penting untuk menunjukkan kepercayaan rakyat negeri itu kepada beliau untuk membawa suatu nafas baru kepada negeri itu sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial. Maka, tanpa menjelaskan tahap penting ini, pemahaman terhadap peranan politik LCE di Pulau Pinang tidak akan sempurna. Oleh itu, kajian penulis adalah bertujuan mengumpulkam maklumat –maklumat ini lalu memberikan satu gambaran yang lengkap mengenai kegiatan politik LCE di negeri itu.

Kajian ini juga bertujuan memperkayakan lagi bahan sejarah tentang tokoh politik tanah air khususnya dari kalangan masyarakat Cina. Masyarakat Cina lazimnya tidak menaruh minat dengan penulisan sejarah kerana menganggapnya tidak bernilai komersil. Kalau ada pun, tulisan mereka dalam pelbagai bentuk sama ada sebagai rencana pendek, catatan mereka yang mengenalinya atau sebagai satu biodata adalah dilakukan secara terpencil dan tidak menyeluruh menyebabkan ia tidak meneliti setiap tindakan politik LCE. Kajian yang menyeluruh terhadap ketokohan LCE bukan sahaja bahagian politik tetapi juga bidang sosial dan ekonomi yang merupakan satu sumbangannya yang sangat berharga kepada masyarakat negeri itu. Tulisan ini akan melengkapkan lagi koleksi

khazanah sejarah bangsa Cina dan Malaysia. Menyedari akan kepentingan inilah, maka penulis membuat kajian kepimpinan LCE di Pulau Pinang.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian ini terbahagi kepada dua iaitu pertama, disiplin sejarah yang menekankan ‘content analysis’ iaitu mengkaji secara mendalam sesuatu peristiwa dan pendapat serta kegiatan. Kedua, *Library Research* yang dibuat dengan cara meneliti sumber pertama dan sumber kedua. Sumber pertama termasuklah Penyata Pilihanraya, Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, 1970-1974; Laporan Tahunan Majlis Bandaraya George Town, 1969-1973; Laporan Tahunan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang 1974, teks ucapan dan surat persendirian. Dari segi penggunaan keratan surat khabar sebagai salah satu sumber rujukan yang menyentuh tentang LCE. Penulis meneliti akhbar-akhbar dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Cina supaya mendapat satu gambaran yang jelas dan lebih menyeluruh tentang LCE. Ini bertujuan bagi mengelakkan berlaku penghuraian yang bersifat berat sebelah. Sumber-sumber kedua pula terdiri daripada buku-buku, tesis atau latihan ilmiah dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina yang membincangkan peranan LCE secara umum. Penulis cuba menggunakan sebanyak sumber yang boleh dalam ketiga-tiga bahasa ini supaya mendapat pandangan sebenar ketiga-tiga masyarakat mengenai peranan LCE. Cara ini juga termasuk temuramah iaitu mereka yang ditemuramah terdiri daripada kenalan rapat LCE di Pulau Pinang seperti bekas anggota GERAKAN dan setiausaha peribadi beliau. Sayang sekali nama mereka enggan disiarkan. Dari segi nota kaki dan

bibliografi, digunakan *Chicago System*, iaitu sistem yang biasa digunakan oleh ilmu sejarah ‘conventional’.

Masalah Kajian

Semasa penulis menjalankan penyelidikan mengenai tajuk ini, terdapat banyak masalah yang bersifat teknikal. Misalnya sumber-sumber tentang LCE sangat terhad khususnya dokumen rasmi tempatan. Ada juga yang dianggap sulit dan tidak dibuka kepada orang ramai untuk selama-lamanya. Sumber yang tinggal hanya buku-buku lama dan cenderamata yang boleh digunakan oleh penulis. Keadaan ini memaksa penulis perlu banyak bergantung kepada penggunaan surat khabar sebagai sumber rujukan utama bagi mendapatkan maklumat tentang LCE.

Temu ramah yang boleh menjadi salah satu sumber penyelidikan yang penting pula menghadapi masalah lain iaitu LCE sendiri enggan ditemui kerana masalah kesihatan dan faktor umur. Beliau tidak berminat untuk membangkitkan perkara lama. Kesukaran ini sedikit sebanyak menjelaskan proses penyelidikan yang dijalankan oleh penulis. Tambahan pula, tokoh-tokoh politik yang terlibat secara langsung juga sukar ditemui kerana masing-masing sibuk dengan tugas-tugas rasmi harian. Ada juga informan yang enggan memberitahu perkara tertentu dan tidak ingin nama mereka disiarkan kerana khawatir menyinggung perasaan pihak berkenaan. Ramai juga mereka yang seangkatan dengan LCE dan mempunyai hubungan rapat dengan beliau, telah pergi buat selama-selamanya. Semua kesulitan ini menguatkan keazaman penulis untuk memanfaatkan sepenuhnya sumber bertulis yang sedia ada dengan sebaik mungkin.